

28 NOV 1997

Abdullah-Amerika

MALAYSIA TIDAK MEMUSUHI AS

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata ketegasan Malaysia mempertahankan kepentingan dan haknya tidak bermakna ia memusuhi negara lain termasuk Amerika Syarikat (AS).

"Kita tidak mahu bermusuhan dengan negara lain kerana kita mengakui kalau kita berbaik-baik dengan negara lain, termasuk Amerika, ia akan memberi lebih banyak faedah," katanya ketika ditemubual dalam program Malaysia Hari Ini (MHI) terbitan TV3 hari ini.

Sambil menyifatkan hubungan antara Malaysia dan AS sebagai sihat dan matang, beliau berkata Malaysia akan menyokong negara itu jika apa yang dilakukannya wajar tetapi akan membantah jika ia bertentangan dengan prinsip negara.

Sebagai contoh, beliau berkata, Malaysia menyokong campur tangan AS dalam menyelesaikan isu Bosnia dan usaha negara itu untuk melaksanakan perjanjian damai Dayton dan membangunkan sumber tenaga Korea Utara di bawah Pertubuhan Pembangunan Tenaga Korea.

Beliau berkata Malaysia mengakui kepentingan AS sebagai rakan perdagangan dan pelaburan ketiga terbesar tetapi pada masa yang sama tidak mahu hubungan tersebut disifatkan sebagai "hubungan antara kuasa besar dengan kuasa kecil yang menjadi budak suruhan".

Menurutnya, eksport Malaysia ke AS tahun lepas berjumlah US\$14 billion manakala import dari negara itu berjumlah US\$12 billion. Pelaburan AS di Malaysia pula bernilai US\$6 billion dalam sektor modal dan US\$2 billion dalam sektor ekuiti.

"Kita juga mempunyai lebih 10,000 pelajar di Amerika manakala pelaburan kita di sana berjumlah US\$1,008 juta," katanya.

Beliau turut menafikan tuduhan bahawa Malaysia merupakan negara pengacau dan "tukang pukul AS" kerana ia timbul hanya kerana Malaysia tidak bersetuju dengan negara itu dalam beberapa perkara.

Mengenai usaha 34 anggota Kongres AS untuk mengemukakan usul menggesa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta maaf atau meletak jawatan, Abdullah berkata pegawai kedutaan sedang mengadakan pertemuan dengan anggota kongres terbabit untuk menyatakan pendirian negara.

"Pada masa ini anggota kedutaan juga telah berjumpa dengan masyarakat Yahudi di AS untuk menyatakan perkara sebenar," katanya, merujuk kepada kenyataan Dr Mahathir terhadap pembiaya kewangan antarabangsa George Soros yang disalah anggap sebagai kenyataan anti Yahudi.

Beliau berkata sokongan rakyat terhadap kepimpinan negara yang datang secara spontan apabila isu campur tangan AS timbul menunjukkan rakyat negara ini bersatu-padu apabila berhadapan dengan gangguan dari negara luar.

Mengenai hubungan Malaysia dengan Singapura, beliau berkata sikap sensitif yang kadang-kala berlebihan adalah merupakan satu perkara lumrah kepada dua negara yang mempunyai hubungan "kawan akrab".

"Yang penting kedua-dua negara sedar mengenai kepentingan hubungan antara satu sama lain dan sentiasa berhati-hati," katanya.

-- BERNAMA

HJ NMO